

12/12/1997

MB bidas sikap wakil Pas

far

KUALA TERENGGANU, Khamis - Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad membidas sikap wakil Pas yang tidak mematuhi peraturan persidangan Dewan Undangan Negeri dan tidak menghormati Yang Dipertua Dewan.

Katanya, Pas mendakwa mereka memperjuangkan Islam, tetapi sikap yang ditunjukkan seperti tidak beradab dan membuat tuduhan melulu, termasuk terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tidak langsung bercirikan Islam.

Beliau yang menggulung perbahasan belanjawan 1998, hari ini juga mempertikai tindakan wakil Pas tidak mengangkat tangan sebagai tanda menyokong atau tidak Belanjawan 1998.

Sejurus itu, Harun Taib (Pas-Manir) bangun dan berkata, Pas hanya boleh sokong perkara baik dan sebab itu mereka tidak mengangkat tangan kecuali ianya perkara baik.

"Sikap Pas itu menyusahkan orang lain, termasuk kerani dewan. Kalau tidak sokong katalah tidak atau sebaliknya," kata Wan Mokhtar.

Beliau juga menganggap Pas tidak bersyukur di atas nikmat Allah kerana tidak menggunakan kuasa yang ada dengan betul atau sekurang-kurangnya menghormati Yang Dipertua Dewan.

Bagaimanapun, beliau memuji wakil Pas Teluk Pasu, Ismail Mamat yang bertindak lain daripada rakan partinya.

Wan Mokhtar berharap Pas mengubah sikap pada masa akan datang dengan mengamalkan apa yang disuruh dan tidak menuduh Perdana Menteri sebagai taghut.

Beliau mendakwa Pas hanya perjuangkan bidang agama dan tidak faham usaha kerajaan negeri melahirkan masyarakat madani bagi memajukan bidang politik, pendidikan, ekonomi, sosial dan dakwah.

"Pas perlu sedar kerana bukan saja belanjawan tahun depan yang mampu mencatatkan lebihan, malah ianya berlaku sejak 1978 hingga 1993," katanya.

Mengenai lawatan ke luar negara, Wan Mokhtar berkata, lawatannya ke Bahrain, Pakistan, Kuwait dan Amerika Latin bersama Perdana Menteri tidak membabitkan wang kerajaan negeri.

"Pas jangan buat tuduhan melulu kerana lawatan itu diputuskan Kabinet," katanya.

(END)